



# Rasional di sebalik rotan pelajar

**K**eputusan Kementerian Pendidikan untuk membentarkan pengetua dan guru besar atau mana-mana guru yang diturunkan kuasa merotan pelajar yang melakukan kesalahan disiplin di sekolah perlu dilihat dalam konteks yang lebih meluas dan positif. Buat masa sekarang, apa yang kita dapat lihat masyarakat mula memberi pelbagai reaksi dan maklum balas mengenai isu ini dengan ada yang bersetuju dan menyokong serta ada juga kurang bersetuju dengan keputusan itu.

Isu merotan pelajar sekolah yang bermasalah sudah menjadi polemik yang berpanjangan. Walaupun peraturan dan pekeliling sebelum ini sudah menjelaskan kuasa merotan terletak di bawah kuasa pengetua dan guru besar sekolah bagi menghukum pelajar atau murid yang melakukan kesalahan disiplin, namun pelaksanaannya tidak konsisten kerana timbul pelbagai reaksi negatif dalam kalangan segelintir ibu bapa yang tidak bersetuju.

Akibatnya pihak sekolah menjadi serba salah, malah tidak keterlaluan guru dan sekolah takut melaksanakan hukuman ini kerana tindakan ibu bapa yang terus menyalahkan dan menyerang guru dan sekolah serta ada yang membawa isu ini ke pihak polis.

Kita tidak menafikan adanya beberapa kes guru gagal mengawal emosi ketika menjatuhkan hukuman rotan ini sehingga menyebabkan mangsa cedera yang menaikkan kemarahan ibu bapa, namun janganlah kerana kes terpencil seperti ini kita menyalahkan semua guru dan sekolah ataupun tidak bersetuju dengan hukuman merotan ini.

Secara prinsipnya, kita perlu melihat kewajaran di sebalik hukuman merotan ini. Kita yakin guru sendiri seboleh-bolehnya tidak mahu merotan anak murid mereka, tetapi harus diingat sekolah tempat terbaik untuk kita mendidik dan membentuk sahsiah generasi akan datang.

Jadi, pelajar yang bermasalah disiplin tegar perlu diajar dan dididik secara tegas dan dengan sedikit kekerasan seperti hukuman merotan agar mampu memberi kesan kepada perubahan sikap mereka.

Masyarakat perlu sedar dan insaf betapa pelajar sekolah pada hari ini mula membabitkan diri dalam pelbagai masalah sosial dan disiplin yang serius. Kita bukan lagi bercakap tentang soal tidak membuat kerja rumah maupun sekadar datang lewat ke sekolah. Itu adalah kesalahan konvensional yang tidak lagi dilihat sebagai masalah besar berbanding pelbagai kesalahan berat yang pelajar sekolah lakukan mutakhir ini.

Misalnya, masalah gangsterisme, dadah, peras ugut dan buli dilihat semakin berleluasa dalam kalangan pelajar sekolah. Malah, untuk rekod sebelum ini pihak kementerian pernah mendedahkan 402 sekolah menengah dan rendah di negara ini sedang dalam pemerhatian berikutan isu disiplin pelajar wajar diberi perhatian serius.

Daripada jumlah itu, sebanyak 311 sekolah berdepan masalah disiplin, manakala 91 lagi dikategorikan sebagai sekolah tumpuan iaitu cenderung mempunyai masalah disiplin. Dalam pada itu, mengikut statistik, seramai 111,895 orang murid iaitu 16,849 murid sekolah rendah dan 95,046 pelajar sekolah menengah didapati terlibat dengan gejala salah laku disiplin di sekolah pada 2016 di mana ponteng sekolah adalah isu utama dalam salah laku disiplin murid sekolah.

Malah, bagi kes buli saja, sebanyak 3,448 kes direkodkan pada 2016 dan sehingga Jun tahun ini, sudah merekodkan 872 kes. Jelas, statistik seperti ini agak merisaukan masyarakat dan semestinya kita memerlukan satu mekanisme betul untuk memulihkan sahsiah anak-anak kita yang bermasalah seperti ini.

Jadi, secara peribadi penulis yakin hukuman merotan ini adalah antara kaedah terbaik untuk mendisiplinkan anak-anak kita supaya tidak terus hanyut sehingga boleh menjelaskan menghancurkan masa depan mereka. Oleh itu, kita

wajar menyokong penuh pelaksanaan hukuman ini di sekolah agar guru dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka tanpa rasa takut.

Dalam konteks ini, kita mohon kerjasama ibu bapa dan masyarakat agar tidak cepat melenting dan membantah. Malah, kita juga tidak wajar terlalu manjakan anak sehingga langsung tidak boleh diberi sebarang hukuman sebagai pengajaran di sekolah. Sikap ibu bapa yang terlalu berfikiran negatif seperti ini boleh merosakkan masa depan anak sendiri.

Perlu diingat tugas membentuk sahsiah yang baik dalam kalangan anak perlu bermula dari rumah. Kebiasaan jika ibu bapa dapat memberikan sepenuh perhatian dan kasih sayang di samping ilmu agama yang secukupnya, anak-anak akan menjadi pelajar yang berdisiplin, baik dan beradab. Pelbagai kajian menunjukkan pelajar yang bermasalah disiplin dan terjebak dalam gejala sosial datang daripada keluarga yang bermasalah.

Jadi, di mana lagi tempat untuk memulihkan pelajar yang bermasalah seperti ini kalau bukan di sekolah? Maka ibu bapa perlu membenarkan pihak sekolah membantu membentulkan sikap anak kita yang sebenarnya gagal dibuat oleh kita sebagai penjaga mereka di rumah. Oleh itu, janganlah terus polemikkan isu merotan di sekolah ini sehingga mengganggu fokus sekolah dan guru dalam mendidik

dan membentuk sahsiah anak-anak kita.

Kita percaya pengetua dan guru besar serta guru yang diberi kuasa untuk menjalankan hukuman rotan ini sangat rasional dan bertimbang rasa. Mereka tidak mungkin akan menggunakan peluang ini melepaskan geram maupun dendam. Tambahan pula, kementerian sudah pun ada garis panduan yang jelas tentang kaedah pelaksanaan hukuman merotan misalnya perlu dilakukan dalam bilik berbanding di khalayak ramai seperti di perhimpunan sebelum ini.

Hakikatnya masalah sosial membabitkan belia dan pelajar sekolah semakin membimbangkan. Semua pihak perlu memainkan peranan bagi memastikan generasi yang akan datang ini dapat diselamatkan. Masa depan negara ini bergantung sepenuhnya kepada generasi

muda yang ada pada hari ini, untuk itu kita perlu memastikan mereka diberi didikan yang betul agar boleh terus memacu kegemilangan negara kita.

Semoga ibu bapa dan masyarakat mampu melihat masalah disiplin dalam kalangan murid sekolah ini dalam spektrum yang lebih besar supaya dapat memahami tindakan pihak sekolah. Cukup-cukuplah tindakan kita menyalahkan pihak sekolah dan guru dan sedarlah betapa anak kita sebenarnya memang mempunyai masalah disiplin yang serius yang perlu diperbetulkan dengan segera. Lihatlah rasional dan kewajaran di sebalik hukuman merotan ini dalam perspektif yang lebih positif demi kebaikan anak kita.

**Penulis Timbalan Pendaftar  
Fakulti Kejuruteraan  
Universiti Putra Malaysia**

